

[Home](#) / [2025](#) / [June](#) /

Program Si Manja Sihat Anjuran FSK UiTM Pupuk Generasi Peka Kesihatan Sejak Usia Muda Tarik 800 Peserta

SINERGI

30/06/2025 / NORAINI HASHIM



SHAH ALAM, 21 Jun 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui **Pusat Pengajian Kejururawatan, Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Kampus Puncak Alam** telah berjaya menganjurkan **Program Komuniti Kesihatan Kanak-Kanak 2025** bertemakan “*Si Manja Sihat, Komuniti Sejahtera*” yang berlangsung di **Perpustakaan Tun Raja Uda (PPAS), Shah Alam**.

Program berimpak tinggi ini berjaya menarik kehadiran lebih **800 peserta** dari pelbagai lapisan masyarakat.

Inisiatif ini bertujuan memupuk kesedaran kesihatan dalam kalangan kanak-kanak sejak usia muda melalui pendekatan pendidikan dan pencegahan awal. Ia turut menjadi platform pembelajaran praktikal kepada pelajar **Sarjana Muda Kejururawatan (Separuh Masa)** UiTM dalam aspek komunikasi dan khidmat komuniti.





Program mendapat sokongan padu daripada pelbagai agensi kesihatan dan pendidikan. Antara rakan kolaborasi utama ialah:

- **Institut Jantung Negara (IJN)** – saringan jantung (ECG dan ECHO) serta demonstrasi CPR
- **Klinik Pergigian PKD Seksyen 19** – pemeriksaan gigi percuma kepada 100 kanak-kanak
- **Unit Transfusi Darah HTAR Klang** – kempen derma darah terbuka
- **Malaysia Orthopaedic Nurse Association (MONA)** – pendidikan asas pertolongan cemas
- **Poliklinik Ken Rimba Shah Alam** – konsultasi kesihatan dan maklumat vaksinasi
- **MATA by Optometrist Puncak Alam** – pemeriksaan mata percuma
- **Perpustakaan Perubatan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)** – pertandingan seni khat dan promosi khidmat perpustakaan
- **Pejabat Pendidikan Daerah Petaling** – saringan perkembangan kanak-kanak

Pelbagai aktiviti interaktif turut dijalankan termasuk ceramah kesihatan, reruai pendidikan, demonstrasi klinikal serta pertandingan kreatif seperti mewarna dan kuiz yang melibatkan penyertaan aktif kanak-kanak dan penjaga.

Program ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memperkukuh peranan institusi pendidikan tinggi

sebagai pemangkin kesejahteraan komuniti melalui pendekatan kesihatan berasaskan pendidikan, advokasi dan penglibatan masyarakat. Diharapkan penganjuran ini dapat diteruskan secara berkala dalam usaha melahirkan generasi celik kesihatan dan komuniti yang lebih sejahtera.



Tags: [Fakulti Sains Kesihatan \(FSK\)](#), [UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)



FPHP Students Engage in SULAM-Focused Academic Visit to Vietnam, Championing Sustainability and Global Citizenship

UiTM Kukuhkan Jaringan Komuniti dan NGO Melalui Program Jejak Bakti Alam



QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

